

MOTIF ALTRUISME DALAM KALANGAN SUKARELAWAN SOUTHERN

MOTIVES OF ALTRUISM AMONG SOUTHERN VOLUNTEERS

Muhammad Asyraf Faiz Zuarimi ¹
Nur Shakila Mazalan ²
Tajul Arifin Muhamad ³

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia, (E-Mail: asyraffaiz39@gmail.com)

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia, (Email: shakila@ukm.edu.my)

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia, (Email: tajul.a@ukm.edu.my)

Article history

Received date : 23-5-2023
Revised date : 24-5-2023
Accepted date : 12-7-2023
Published date : 13-7-2023

To cite this document:

Zuarimi, M. A. F., Mazalan, N. S., & Muhamad, T. A. (2023). Motif Altruisme Dalam Kalangan Sukarelawan Southern. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6 (19), 73 - 85.

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk menyelidik motif altruisme dalam kalangan Sukarelawan Southern di daerah Muar Johor. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan jenis motif altruisme serta mengenal pasti hubungan antara motif altruisme dengan motivasi dalam kalangan Sukarelawan Southern. Seramai 350 orang Sukarelawan Southern telah dijadikan responden utama dalam penyelidikan ini. Bagi tujuan kajian ini, soal selidik yang diadaptasi daripada *Helping Power Motivation Scale* (Irene H. Frieze et al.) bagi menguji motif altruisme yang terdiri daripada membantu rakan karib dan membantu masyarakat telah digunakan. Soal selidik ini telah disebarkan kepada responden melalui link google form di planta aplikasi WhatsApp mahupun Telegram. Hasil ujian ANOVA sehalu yang diperolehi melalui program SPSS menunjukkan nilai $p < 0.05$ adalah signifikan, maka terdapat perbezaan yang signifikan antara motif altruisme membantu rakan karib dengan motif altruisme membantu masyarakat. Hasil analisis data korelasi pearson motif altruisme menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara motif altruisme rakan karib dan motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan Southern, hubungan ini adalah positif dan kuat ($r = .83, p < .05$). Sebaliknya tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara motif altruisme membantu masyarakat dan motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan Southern, dimana ($r = .11, p > .05$). Oleh itu, organisasi sukarelawan diharapkan dapat merangka penambahbaikan untuk memastikan aktiviti kesukarelawan akan menjadi lebih bermakna dan bermanfaat.

Kata Kunci: Southern Volunteer (SV), Motif Altruisme, *Helping Power Motivation Scale*, Motivasi Sukarelawan

Abstract: This study was conducted to investigate the motives of altruism among Southern Volunteers (SV) volunteers in the Muar district of Johor. This study also aims to identify differences in the types of altruism motives and the relationship between altruism motives and motivation among SV volunteers. A total of 350 SV volunteers have been the main respondents in this research. For the purposes of this study, a questionnaire adapted from the *Helping Power Motivation Scale* by Irene H. Frieze et al. to test altruism motives consisting of helping

close friends and helping the community was used. This questionnaire has been distributed to respondents via a google form link on the WhatsApp or Telegram application. The result of the one-way ANOVA test obtained through the SPSS program shows a value of $p < 0.05$ which is significant, therefore, this is a significant difference between the altruism motive of helping close friends and the altruism motive of helping the community. The results of Pearson correlation data analysis of altruism motives show that there is a significant relationship between the altruism motives of close friends and volunteer motivation among Southern volunteers (SV), ($r = .83, p < .05$). On the other hand, there is no significant relationship between the altruism motive of helping the community and volunteers among Southern volunteers (SV), ($r = .11, p > .05$). Therefore, volunteer organizations are expected to devise improvements to ensure that volunteering activities will be more meaningful and effective.

Keywords: *Southern Volunteering (SV), Motive of Altruism, Helping Power Motivation Scale, Volunteers Motivation*

Pengenalan

Sukarelawan merupakan suatu kejadian yang telah diamalkan oleh beberapa generasi cuma terdapat perbezaan mengikut gaya dan perbuatan. Tambahan lagi, pada era dahulu penduduk di kampung bekerjasama dalam melakukan aktiviti kampung seperti bergotong-royong memasak pada majlis-majlis keramaian tanpa mengharapkan sebarang balasan. Aktiviti sukarelawan ini juga akan dapat mengurangkan bebanan mereka yang memerlukan.

Asal usul kesukarelawan disetiap negara adalah tidak jauh beza di mana sikap kesukarelawan pada awalnya disebabkan tanggungjawab dalam diri setiap individu terhadap agama dan perasaan ingin menolong masyarakat yang sangat tinggi (Azizan Bahari 2009). Perkataan kesukarelawan boleh ditakrifkan sebagai suatu aktiviti, kegiatan atau perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu untuk membantu orang lain dengan kerelaan hati mereka tanpa mengharapkan sebarang ganjaran mahupun balasan daripada orang lain. Individu yang melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti kesukarelawan ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai minat yang mendalam untuk menyertai aktiviti tersebut dengan seikhlas hati mereka dan untuk memenuhi kepuasan diri mereka dalam memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan (Solihah Yahya Zikri; Khalid Ismail; Abdul Salam Zulkifli; Nadiyah Hashim; Noor Azura Zainuddin 2022).

Sukarelawan *Southern* (SV) adalah sebuah jenama yang diilhamkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor (TMJ). SV bertujuan untuk menyatukan belia di negeri Johor. SV diletakkan dibawah (Pusat Pembangunan Belia Johor) JOYDEC. Segala aktiviti kemasyarakatan di Johor akan diletakkan di bawah Sukarelawan *Southern*. Sukarelawan *Southern* akan tertumpu dengan kerja-kerja *ad hoc* tetapi masih berfokuskan dalam aktiviti sukarelawan atau kemasyarakatan.

Penyelidikan ini adalah usaha untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam literatur iaitu kekurangan pengetahuan tentang penglibatan sukarelawan dalam aktiviti kesukarelawan dan penyelesaian kepada masalah kemerosotan tempoh perkhidmatan sukarelawan dalam sesebuah organisasi. Tambahan pula, kajian literatur menunjukkan bahawa terdapat penyelidikan yang berpendapat bahawa motivasi dan kepuasan sukarelawan boleh digunakan sebagai konstruk untuk meningkatkan niat sukarelawan untuk kekal dalam organisasi atau agensi sukarelawan

walaupun hasil penyelidikan yang menangani masalah ini adalah sedikit (Omar Al Mutawa 2015).

Penyelidikan tentang altruisme mendapati bahawa individu yang mempunyai hubungan kebergantungan berasaskan minat menunjukkan rasa yang saling menguntungkan dengan ahli sukarelawan dan cenderung untuk membantu (Sharma Pramond & Jogendra Kumar Nayak 2020; Zheng Xianliang; Wang Zeyi; Chen Huiping; Yang Ling Qing 2021). Kajian terdahulu berpendapat bahawa motivasi *intrinsic* sukarelawan mempengaruhi altruisme dan menyumbang kepada tingkah laku perkongsian budaya (Igor Knez; Daniel Hjärpe; Mari Bryngelsson 2019; Will W.K. Ma & Albert Chan 2014) dan penyertaan secara sukarela dalam perkhidmatan sukarelawan di luar negara secara tersusun boleh membantu atau mengurangkan kemiskinan golongan tertentu dalam masyarakat setempat.

Selain itu, kekurangan kajian kepentingan yang diberikan oleh penyelidikan terdahulu dalam menggunakan amalan pengurusan sukarelawan untuk meningkatkan motivasi dan kepuasan, oleh itu, masalah utama yang timbul daripada perbincangan di atas ialah sama ada amalan pengurusan dalam organisasi sukarelawan menjadi punca kepada kemerosotan tempoh pengekal sukarelawan dalam organisasi sukarelawan, jika ia boleh dikurangkan dengan menggunakan hubungan antara pengekal sukarelawan dan amalan pengurusan sukarelawan yang dipengaruhi oleh konstruk seperti motivasi sukarelawan serta kepuasan sukarelawan. Di samping itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap umum dan perbezaan motif altruisme serta mengenal pasti hubungan antara motif altruisme dengan motivasi sukarelawan.

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada mereka yang melibatkan diri dalam bidang sukarelawan. Melalui kajian ini dapat memberi garis panduan terutamanya kepada badan-badan serta agensi sukarelawan yang baru untuk menilai tahap altruisme dalam kalangan ahli-ahli sukarelawan. Tambahan lagi, kajian ini juga boleh dijadikan asas kepada badan-badan serta agensi sukarelawan untuk membentuk pasukan sukarelawan yang mantap dan berkualiti mengikut situasi semasa. Oleh itu, kajian ini dapat menyebarkan maklumat tentang motif altruisme dalam kalangan sukarelawan bagi melahirkan sukarelawan yang berkualiti. Tambahan lagi, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menambahkan lagi sumber rujukan ilmiah yang berfokuskan motif altruisme dalam aktiviti sukarelawan. Justeru itu, melalui kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada badan-badan serta agensi sukarelawan untuk membuat penambahbaikan dalam menguruskan ahli-ahli sukarelawan bagi melaksanakan aktiviti kesukarelawan. Selain itu, kajian ini untuk mengenal pasti motif altruisme dalam penglibatan sukarelawan dengan menyelidik faktor motivasi utama yang mempengaruhi penglibatan mereka. Kajian ini juga melihat sejauh mana penglibatan dalam kesukarelawan memberi kesan terhadap tahap kerelaan diri sukarelawan.

Kajian Literatur

Altruisme bermaksud pemberi bantuan atau individu yang memberikan pertolongan tidak menerima sebarang bentuk ganjaran, imbuhan atau manfaat (Pfattheicher Stefan; Yngwie Asbjorn Nielsen; Isabel Thielmann 2022). Selain itu, dalam *warm glow*, individu yang membantu individu lain akan turut merasai ganjaran dalam bentuk emosi positif seperti bangga, lega, malahan seronok dengan tindakan yang dilakukan. Tambahan lagi, menurut perspektif Song So Young & Youn-Kyung Kim (2019), keadaan di mana pemberi bantuan turut berasa gembira dengan tindakan yang dilakukan ini dikenali sebagai altruistik tidak tulin (*impure altruistic*). Seterusnya, menurut Ferooze Ali & Azmil Tayed (2021) nilai Altruistik dari sudut Islam adalah seperti berikut Ijma bermaksud muafakat iaitu untuk berusaha dalam mencari

penyelesaian yang dipersetujui bersama atau berkompromi terhadap sesuatu isu Selain itu, Al-Adl bermaksud menggubal keadilan iaitu untuk mencari keadilan bagi yang tertindas. Seterusnya, Huquq al-insan membawa makna hak asasi manusia iaitu untuk menggubal atau memperjuangkan hak orang yang ditindas. Al-Tawasaa`u bermaksud keterangkuman iaitu untuk memastikan semua pihak disertakan dalam sesuatu keputusan. Di samping itu, Al-Mussawah bermaksud kesaksamaan yang menjelaskan untuk memastikan semua manusia dilayan dengan ukuran dan maruah yang sama, manakala Shura bermaksud organisasi pakar iaitu menekankan idea untuk menubuhkan organisasi yang betul dan perundingan di kalangan ahli sebelum keputusan dibuat, Musyawarah bermakna perbincangan dua hala iaitu keperluan untuk melibatkan diri dalam komunikasi dua hala tambahan lagi, An-Nusrah bermaksud bantuan dan solidarity iaitu nilai iman, mengharapkan pertolongan daripada Tuhan dan yang terakhir Ikhlas bermaksud keikhlasan iaitu nilai Islam yang menekankan kepentingan keikhlasan atau keadaan tulen dalam mana-mana perbuatan altruistik atau keagamaan.


Penyelidikan tentang altruisme mendapati bahawa individu yang mempunyai hubungan pergantungan berasaskan minat menunjukkan rasa yang saling menguntungkan dengan ahli dan cenderung untuk membantu (Sharma Pramond & Jogendra Kumar Nayak 2020; Zheng Xianliang; Wang Zeyi; Chen Huiping; Yang Ling Qing 2021). Kajian terdahulu berpendapat bahawa motivasi intrinsik sukarelawan mempengaruhi altruisme dan menyumbang kepada tingkah laku perkongsian budaya (Igor Knez; Daniel Hjärpe; Mari Bryngelsson 2019; Will W.K. Ma & Albert Chan 2014) dan penyertaan secara sukarela dalam perkhidmatan sukarelawan di luar negara secara tersusun boleh membantu atau mengurangkan kemiskinan golongan tertentu dalam masyarakat setempat. Tindakan berkorban atau altruisme dikaitkan dengan tingkah laku yang memberi kebaikan kepada pihak lain. Song So Young & Youn-Kyung Kim (2019) melihat altruisme sebagai tindakan yang tidak sepenuhnya menunjukkan pengorbanan kepada pihak lain, memandangkan wujud unsur *warm glow* dalam perlakuan membantu. Dalam *warm glow*, individu yang membantu individu lain akan turut merasai ganjaran dalam bentuk emosi positif seperti bangga, lega, malahan seronok dengan tindakan yang dilakukan. Faktor-faktor seperti latar belakang individu turut menjadi fokus dalam memahami dorongan nilai altruisme. Ini adalah kerana dengan memahami faktor-faktor yang berkaitan dengan aspek altruisme, pemahaman yang lebih baik berkaitannya dapat difahami. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Juan Xi et al. (2018) melaporkan bahawa golongan wanita lebih cenderung mempamerkan tingkah laku bersifat altruistik berbanding lelaki.

Juan Xi et al. (2018) turut mendapati bahawa wanita mempunyai penilaian yang lebih positif atau sikap terhadap tingkah laku altruistik. Ertinya, golongan wanita dalam kajian berkenaan bukan sahaja cenderung untuk menilai sesuatu tindakan sebagai altruistik malahan dapat mempamerkannya dalam tingkah laku mereka. Ini bermakna bahawa aspek jantina mempengaruhi nilai pengorbanan terhadap keperluan individu lain. Dalam kajian ini, mahasiswa lelaki mempunyai persepsi altruisme yang tinggi secara statistik berbanding mahasiswa wanita. Namun begitu, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa mahasiswa lelaki yang mempunyai nilai altruisme yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh item-item dalam instrumen ini yang lebih cenderung menguji tingkah laku yang melibatkan tindakan fizikal. Sejajar dengan laporan kajian oleh Juan Xi et al. (2018) yang juga mendapati bahawa wujud perbezaan dalam konteks jantina dan persepsi altruisme. Setara dengan pandangan oleh Emagnaw et al. (2018) bahawa nilai altruisme yang turut terkandung dalam tingkah laku prososial merupakan satu kewajipan untuk didorong oleh pihak ibu bapa, tanpa mengira struktur keluarga itu sendiri. Tambahan, dalam kajian ini, aspek altruisme yang diukur adalah dalam konteks bantuan yang diberikan dalam skop aktiviti kemasyarakatan umum.

Selain itu, motif altruistik berteraskan organisasi sukan dan entiti komersial juga di beberapa sudut dunia dapat membantu populariti sukarelawan sukan dan memberikan lebih ramai individu peluang untuk memperoleh pengalaman antarabangsa atau berintegrasi dengan komuniti. Namun, susunan kompleks korporat dan asas dermawan kesukarelawan sukan masih tidak difahami dengan baik dan ini termasuk keperluan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan pendidikan, modal sosial dan peluang kepimpinan yang terhasil daripada kesukarelawan (David Jaitner 2019). Kini, kesukarelawan semakin popular dalam kalangan pelajar pengajian tinggi di Eropah Tengah dan Timur. Selain sukarelawan tradisional, yang mempunyai objektif untuk membantu orang lain, fokus terhadap kerjaya kesukarelawan juga semakin meningkat (Veronika Bocsi; Hajnalka Fényes; Vale'ria Markos 2017). Bukti menunjukkan bahawa lebih ramai wanita terlibat dalam aktiviti sukarelawan daripada lelaki (Oesterle Sabrina; Monica Kirkpatrick Johnson; Jeylan T. Mortimer 2004) dan motivasi utama mereka untuk menjadi sukarelawan adalah untuk membantu orang lain. Pelajar pengajian tinggi perempuan dicirikan sebagai sukarelawan tradisional manakala lelaki lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam sukarelawan moden dalam persatuan sukan, persatuan kebudayaan dan bukan kerajaan, sukarelawan alam sekitar serta pemuliharaan, dan organisasi politik (Hajnalka Fényes & Gabriella Pusztai 2012).

Kajian ini dijalankan dengan berpandukan teori motivasi keperluan Maslow's yang berfokuskan kepada keperluan sosial yang memberi makna kepunyaan, kasih sayang dan cinta daripada kumpulan kerja, keluarga, rakan, hubungan romantis. Di samping itu, sifat ini juga menggambarkan sikap mengutamakan orang lain daripada diri sendiri dalam memberikan bantuan. Selain itu, dengan kata lain sifat ini juga dikenali sebagai altruisme. Sifat kemanusiaan menunjukkan seseorang akan bertindak membantu sama ada rakan karib mahupun masyarakat yang memerlukan pertolongan tanpa mengharapkan sebarang ganjaran atau balasan yang bentuk fizikal dan perkhidmatan.


Di samping itu, orang ramai terdorong untuk mencapai keperluan tertentu. Apabila satu keperluan dipenuhi seseorang berusaha untuk memenuhi yang seterusnya, dan seterusnya. Terdapat lima keperluan motivasi seperti yang digambarkan sebagai tahap hierarki [peringkat rendah ke peringkat lebih tinggi]. Selain itu, setiap tahap mempunyai kepentingan yang berbeza, penyusunnya daripada keperluan "asas" yang lebih rendah (iaitu pada empat tahap pertama), kepada keperluan "pertumbuhan" yang lebih tinggi.



Rajah 1: Classic Model Hierarchy of Needs (1943)

Pembolehubah yang sering digunakan dalam kajian-kajian lepas adalah seperti aktiviti kesukarelawan didorong oleh pelbagai faktor sama ada digerakkan oleh motivasi altruistik mahupun motivasi egoistik. Selain itu, Motivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawan adalah dipengaruhi oleh faktor persekitaran, agama, pembangunan masyarakat, upah, sokongan, pembangunan kerjaya, situasi semasa dan sikap. Seterusnya, persepsi sukarelawan terhadap amalan pengurusan memberi kesan kepada motivasi mereka dan bagaimana motif altruisme sukarelawan memberi kesan kepada motivasi sukarelawan. Tambahan lagi, dalam kajian ini menunjukkan kerangka konseptual mengenai Sukarelawan *Southern* terhadap motif altruisme dan motivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawan.

Kerangka konseptual ini menerangkan hubungan antara pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Motif altruisme merupakan pembolehubah tidak bersandar manakala motivasi sukarelawan merupakan pembolehubah bersandar. Berasaskan kepada kerangka konseptual ini penyelidik akan membuat kajian ke atas Sukarelawan *Southern* terhadap motif altruisme dan motivasi sukarelawan. Seterusnya, pengkaji akan melihat bagaimana motif altruisme mempengaruhi motivasi sukarelawan.



Rajah 2: Kerangka Konseptual

Kajian Metodologi

Bagi mendapatkan pendekatan kajian tentang motif altruisme dalam kalangan Sukarelawan *Southern*, reka bentuk kajian ini akan menggunakan kaedah bukan eksperimen untuk menentukan tahap motif altruisme dalam kajian ini. Kaedah kajian bukan eksperimental iaitu kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana, Kajian bukan eksperimental boleh dirujuk sebagai kajian hubungan antara variabel bebas dan variabel bersandar tanpa melakukan sebarang perubahan terhadap variabel bebas, dimana variabel bebas wujud secara semulajadi (Chua Yan Piaw 2011). Tambahan lagi, dalam kaedah kajian kuantitatif ini, soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada Sukarelawan *Southern*.

Persampelan ialah proses memilih beberapa subjek daripada populasi sebagai responden kajian. Selain itu, dalam kajian ini pengkaji sudah mengira jumlah keseluruhan Sukarelawan *Southern*. Seterusnya, sasaran responden yang dipilih untuk kajian ini hanya tertumpu kepada sukarelawan *Southern* di daerah Muar Johor. Populasi Sukarelawan *Southern* di daerah Muar Johor adalah sekitar 3000 orang keahlian yang telah mendaftar, ini adalah untuk menentukan saiz sampel responden dalam kajian ini. Robert V. Krejcie & Daryle W. Mogan (1970) menyatakan bahawa saiz sampel yang sesuai serta bersesuaian dengan saiz populasi dan membentangkan maklumat bagi membantu penyelidik menentukan saiz sampel bagi Sukarelawan *Southern* di daerah Muar Johor. Sampel responden dalam kajian ini akan dipilih

seramai 350 orang sukarelawan daripada populasi Sukarelawan *Southern* di daerah Muar Johor. Di samping itu, untuk kajian ini teknik persampelan bertujuan (*purposive*) telah dipilih, hal ini kerana untuk memastikan kajian yang dijalankan benar-benar mendapat data yang dikehendaki. Pengumpulan data telah dilakukan pada cuti semester 2 sesi 2021/2022. Pengkaji menggunakan teknik soal selidik tadbir sendiri melalui hebahan link *google form*. Proses pengkaji untuk mengumpul data kajian ini adalah dengan cara pengkaji akan meminta kebenaran dan bekerjasama daripada Pembantu Belia Dan Sukan, Pusat Pembangunan Belia Johor (Cawangan Muar) yang bertindak sebagai pemantau Sukarelawan *southern* di daerah Muar untuk membolehkan pengkaji membuat hebahan soal selidik kepada kumpulan sasaran iaitu Sukarelawan *southern* yang bertugas di daerah Muar. Selain itu, untuk menjalankan tinjauan secara rawak dalam kajian ini, pengkaji juga akan mendapatkan kebenaran daripada Pegawai Belia dan Sukan (Pusat Pembangunan Belia Johor) bagi membolehkan pengkaji membuat tinjauan di kawasan kajian tersebut. Oleh itu, pengkaji akan berasa senang hati apabila telah meminta kebenaran untuk menjalankan kajian ini kepada kumpulan sasaran. Persoalan dalam dua bahagian ini ialah tentang profil demografi dan motif altruisme dalam kalangan Sukarelawan *Southern*.

Di samping itu, item tersebut diletakkan bermula dengan "Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Sedikit Tidak Setuju, Tidak Pasti, Sedikit Setuju, Setuju dan Sangat Setuju". Kajian ini menjelaskan terlebih dahulu tujuan kajian ini untuk memberi kefahaman kepada subjek tentang kajian ini dan cuba menjelaskan cara menjawab soalan dengan betul, selepas mereka bersetuju untuk menjawab, satu set soal selidik akan diberikan kepada setiap responden menerusi *link google form* di antara aplikasi *WhatsApp* mahupun *Telegram*. Prosedur ini, pengkaji akan menunggu subjek sehingga mereka memberi maklum balas setelah selesai menjawab semua soalan.

Pada bahagian instrumen kajian, reka bentuk kajian ini akan menentukan tahap motif altruisme dalam kalangan Sukarelawan *Southern*. Instrumen kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kaedah menggunakan tinjauan secara rawak melalui soal selidik. Oleh itu, soal selidik ini terdiri daripada dua (2) bahagian. Bahagian pertama adalah profil demografi yang mempunyai tujuh (7) soalan. Seterusnya, pada bahagian kedua mengandungi soalan yang menanyakan tentang motif altruisme dalam kalangan Sukarelawan *southern* yang terdiri daripada 21 item. Instrumentasi ini diadaptasi daripada *Helping Power Motivation Scale* (Irene H. Frieze; Bonka S. Boneva; Lee-Chai AY; Bargh JA 2001). Instrumen yang mengandungi 7 mata skala Likert, antara 1 iaitu (Sangat Tidak Setuju) hingga 7 (Sangat Setuju). Tambahan lagi, di dalam soal selidik ini, bahasa yang digunakan iaitu Bahasa Malaysia. Pengkaji menggunakan Bahasa Malaysia kerana ia dapat membuatkan responden lebih memahami soalan dengan baik dan memudahkan mereka semasa menjawab soal selidik tersebut.

Kesemua data menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 24. SPSS dipilih kerana untuk memastikan kebolehpercayaan kajian ini terhadap analisis data. Ini kerana bagi memastikan data dapat ditafsir mengikut objektif yang telah ditetapkan, untuk kajian ini, pada bahagian demografi dan tahap motif altruisme dalam kalangan Sukarelawan *Southern* telah digunakan statistik deskriptif. Selain itu, analisis data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah ANOVA dan korelasi Pearson bagi mengetahui hubungan di antara pemboleh ubah dalam kajian ini.

Dapatan Kajian

Hasil analisis data deskriptif adalah seperti berikut:

Jadual 1: Hasil Analisis Data Deskriptif “Jantina”

	Frequency	Percent %
Lelaki	333	95.1
Perempuan	17	4.9
Total	350	100.0

Jadual 2: Hasil Analisis Data Deskriptif “Umur”

	Frequency	Percent %
18-24 Tahun	9	2.6
25-34 Tahun	17	4.9
35-44 Tahun	323	92.3
45 Tahun Keatas	1	.3
Total	350	100.0

Jadual 3: Hasil Analisis Data Deskriptif “Tahap Pendidikan”

	Frequency	Percent %
SPM	16	4.6
STPM/Diploma	323	92.3
Ijazah Sarjana Muda	9	2.6
Sarjana	2	.6
Total	350	100.0

Jadual 4: Hasil Analisis Data Deskriptif “Aktif Dalam Aktiviti Sukan”

	Frequency	Percent %
Ya	340	97.1
Tidak	10	2.9
Total	350	100.0

Jadual 5: Hasil Analisis Data Deskriptif “Kekerapan Melakukan Aktiviti Fizikal”

	Frequency	Percent %
1-3 Kali Seminggu	21	6.0
4-5 Kali Seminggu	5	1.4
Lebih 5 Kali Seminggu	314	89.7
Tidak Melakukan Aktiviti	10	2.9
Total	350	100.0

Jadual 6: Hasil Analisis Data Deskriptif “Berapa Lama Terlibat Dalam Aktiviti Sukarelawan”

	Frequency	Percent %
1 Tahun	326	93.1
2 Tahun	10	2.9
3 Tahun	5	1.4
4 Tahun Atau Lebih	9	2.6
Total	350	100.0

Jadual 7: Hasil Analisis Data Deskriptif “Berminat Untuk Kekal Dalam Organisasi Sukarelawan”

	Frequency	Percent %
YA	35	10.0
TIDAK	315	90.0
Total	350	100.0

Hasil ujian ANOVA sehalu yang diperolehi melalui program SPSS menunjukkan nilai $p < 0.05$ adalah signifikan. Hipotesis nul ditolak. Oleh itu, hasil analisis ujian ANOVA sehalu menunjukkan bahawa secara keseluruhan terdapat perbezaan yang signifikan antara motif altruisme membantu rakan karib dengan motif altruisme membantu masyarakat.

Jadual 8: Hasil Ujian ANOVA Sehalu Melalui Program SPSS

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	6.926	1	6.926	41.100	.000
Within Groups	58.642	348	.169		
Total	65.568	349			

Seterusnya, hasil analisis data korelasi pearson motif altruisme menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara motif altruisme rakan karib dan motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan *Southern*. Hubungan ini adalah positif dan kuat ($r = .65$, $p < .05$) ini bermaksud dalam populasi kajian ini, semakin tinggi motif altruisme rakan karib, semakin tinggi motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan *Southern*.

Jadual 9: Hasil Ujian Korelasi (Membantu Rakan Karib) melalui program SPSS

		Membantu Rakan Karib	Motivasi Sukarelawan
Membantu Rakan Karib	Pearson Correlation	1	-.653**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	350	350
Motivasi Sukarelawan	Pearson Correlation	-.653**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	350	350

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Sebaliknya tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara motif altruisme membantu masyarakat dan motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan *Southern*, dimana ($r = .83$, $p > .05$) ini bermaksud dalam populasi kajian ini, semakin rendah motif altruisme membantu masyarakat, semakin rendah motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan *Southern*.

Jadual 10: Hasil Ujian Korelasi (Membantu Masyarakat) Melalui Program SPSS

		Membantu Masyarakat	Motivasi Sukarelawan
Membantu Masyarakat	Pearson Correlation	1	-.830**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	350	350
Motivasi Sukarelawan	Pearson Correlation	-.830**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	350	350

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Perbincangan Kajian

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan berkaitan perbincangan dan juga cadangan tentang hasil kajian yang telah dijalankan agar dapat dijadikan panduan serta rujukan bahan ilmiah kepada organisasi mahupun pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawan secara langsung atau tidak langsung. Disamping itu, dengan hasil kajian ini diharapkan pihak yang terlibat dalam perkara ini dapat meningkatkan kualiti dalam menjalankan aktiviti kesukarelawan.

Hasil dapatan kajian data deskriptif jantina menunjukkan dimana jumlah responden sebanyak 350 orang, terdiri daripada lelaki seramai 333 orang dengan 95.1% dan 17 orang mewakili perempuan dengan 4.9%. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan nilai $p < 0.05$ adalah signifikan. Hipotesis nul ditolak. Oleh itu, hasil analisis ujian ANOVA sehalu menunjukkan bahawa secara keseluruhan terdapat perbezaan yang signifikan antara motif altruisme membantu rakan karib dengan motif altruisme membantu masyarakat. Seterusnya, hasil analisis data korelasi pearson motif altruisme menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara motif altruisme rakan karib dan motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan *Southern*, ini bermaksud dalam populasi kajian ini, semakin tinggi motif altruisme rakan karib, semakin tinggi motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan *Southern*. Sebaliknya tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara motif altruisme membantu masyarakat dan motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan *Southern*. Hubungan ini menunjukkan dalam populasi kajian ini, semakin rendah motif altruisme membantu masyarakat, semakin rendah motivasi sukarelawan dalam kalangan Sukarelawan *Southern*.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan hasil dapatan yang berlainan daripada dapatan kajian lepas seperti yang dijalankan oleh Juan Xi; Matthew T. Lee; James R. Carter; David Delgado (2018) yang melaporkan bahawa golongan wanita lebih cenderung mempamerkan tingkah laku bersifat altruistik berbanding lelaki. Juan Xi; Matthew T. Lee; James R. Carter; David Delgado (2018) turut mendapati bahawa wanita mempunyai penilaian yang lebih positif atau sikap terhadap tingkah laku altruistik. Ertinya, golongan wanita dalam kajian berkenaan bukan sahaja cenderung untuk menilai sesuatu tindakan sebagai altruistik malahan dapat mempamerkannya dalam tingkah laku mereka. Ini bermakna bahawa aspek jantina mempengaruhi nilai pengorbanan terhadap keperluan individu lain. Tambahan lagi, menurut kajian yang dijalankan oleh Oesterle Sabrina; Monica Kirkpatrick Johnson; Jeylan T. Mortimer (2004) yang menyatakan lebih ramai wanita terlibat dalam aktiviti sukarelawan daripada lelaki. Oesterle Sabrina; Monica Kirkpatrick Johnson; Jeylan T. Mortimer (2004) turut menyatakan bahawa motivasi utama mereka untuk menjadi sukarelawan adalah untuk membantu orang lain. Pelajar pengajian tinggi perempuan dicirikan sebagai sukarelawan tradisional manakala lelaki lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam sukarelawan moden dalam persatuan sukan, persatuan kebudayaan dan bukan kerajaan, sukarelawan alam sekitar serta pemuliharaan, dan organisasi politik (Hajnalka Fényes & Gabriella Pusztai 2012).

Oleh itu, perkara ini menunjukkan hasil dapatan dalam kajian ini menemukan hasil dapatan yang berlainan daripada hasil dapatan kajian-kajian lepas dan ini memberi gambaran bahawa dapatan hasil kajian tidak akan sentiasa konsisten seperti kajian-kajian yang telah dijalankan. Kajian ini dijalankan dalam pasca pandemik Covid 19, seperti yang diketahui hasil kajian ini didapati berlainan dengan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Oleh itu, terdapat tiga implikasi utama dilihat perlu diberi perhatian bagi menambahbaik aktiviti sukarelawan di Malaysia khususnya di negeri Johor. Antara implikasinya adalah peranan pihak berwajib dalam menguruskan aktiviti sukarelawan, latihan yang diberikan kepada sukarelawan, dan pembudayaan aktiviti sukarelawan.

Peranan pihak berwajib dalam menguruskan aktiviti sukarelawan. Organisasi seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi sukarelawan seharusnya melaksanakan peranan yang telah diberikan bagi memastikan peserta yang menyertai aktiviti sukarelawan mendapat maklumat serta senarai tugas yang betul supaya peserta dapat menjalankan aktiviti kesukarelawan dengan mengikut arahan yang telah ditetapkan.

Selain itu, latihan yang diberikan kepada sukarelawan, bagi memastikan peserta sukarelawan sentiasa dalam keadaan yang bersedia menjalankan aktiviti kesukarelawan pihak yang berwajib seharusnya merangka rancangan latihan kepada peserta yang menyertai aktiviti sukarelawan. Tambahan lagi, jenis latihan yang dirangka mestilah mengikut kesesuaian aktiviti sukarelawan yang akan dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, dengan latihan yang betul diberikan kepada peserta akan menyebabkan peserta dapat memberikan tindak balas yang positif dalam menyertai aktiviti kesukarelawan. Di samping itu, pihak PBT dan agensi sukarelawan juga perlu memastikan pemilihan peserta sukarelawan yang betul bagi menyertai aktiviti sukarelawan kerana dengan pemilihan peserta yang betul untuk menyertai aktiviti ini akan meninggalkan impak yang positif dalam diri peserta yang menyertai aktiviti ini.

Seterusnya, pembudayaan aktiviti sukarelawan di Malaysia agak sederhana kerana di Malaysia ramai yang menumpukan kepada pekerjaan sepenuhnya untuk menyediakan keperluan hidup kepada keluarga. Di samping itu, di Malaysia golongan yang mudah untuk didekati bagi menyertai aktiviti sukarelawan ini adalah golongan pelajar hal ini kerana pelajar tidak terikat dan tiada tanggungan terhadap orang lain maka mereka sesuai untuk menyertai aktiviti kesukarelawan. Oleh itu, pihak berwajib seperti organisasi mahupun agensi yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawan perlu mengambil langkah proaktif bagi menambahbaikkan program ini supaya dapat mengekalkan penglibatan aktiviti ini pada masa akan datang.

Rujukan

- Alicia Nortje, 2021. 4 Stages of Cognitive Development & Theory. [https://positivepsychology.com/piaget-stages-theory/#:~:text=Sensorimotor%20stage%20\(0%E2%80%932%20years,11%20years%20old%20through%20adulthood\)\(25%20September%202022\).](https://positivepsychology.com/piaget-stages-theory/#:~:text=Sensorimotor%20stage%20(0%E2%80%932%20years,11%20years%20old%20through%20adulthood)(25%20September%202022).)
- Azizan Bahari. (2009). Menjadi sukarelawan. *Petaling Jaya: Qarya*.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan statistic penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- David Jaitner, (2019). Voluntary sports clubs as ‘schools of democracy’? Critique of German sports science. *Sport, Education and Society*, 24(8), 867-882
- Emagnaw, Alemayehu Belay & Jian-Zhong Hong Hong. (2018). Relationship among parenting styles, prosocial behavior and school performance of students who are attending to grade seven and eight state schools. *American Journal of Educational Research and Reviews*, 3, 32-32.
- Ferooze Ali & Azmil Tayed. (2021). Exploring Alternative form of International Aid: A Study on Islamic Faith Based Organisation (IFBOs) Assistance in Gaza, Palestine. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 340-351.
- Hajnalka Fényes, & Gabriella Pusztai. (2012). Volunteering among higher education students. Focusing on the micro-level factors. *Journal of Social Research & Policy*, 3(1), 73-95.
- Igor Knez, Daniel Hjärpe, & Mari Bryngelsson, (2019). Predicting organizational citizenship behavior: the role of work-related self. *SAGE Open*, 9(2), 2158244019854834.
- Irene H. Frieze, Bonka S. Boneva, Lee-Chai, AY., & Bargh, JA. (2001). Power motivation and motivation to help others. *The use and abuse of power*, 75-89.

- Ismail, Nashwa, Kinchin, Gary & Edwards, Julie-Ann. (2017). Pilot study, does it really matter? Learning lessons from conducting a pilot study for a qualitative phd thesis. *International Journal of Social Science Research*, 6(1), 1. doi:10.5296/ijssr.v6i1.11720.
- Joy Fraser, Dorothy Willy Fahlman, Jane Arscott, & Isabelle Guillot, (2018). Pilot testing for feasibility in a study of student retention and attrition in online undergraduate programs. (19).
- Juan Xi, Matthew T. Lee, James R. Carter & David Delgado. (2018). Gender differences in purpose in life: The mediation effect of altruism. *Journal of Humanistic Psychology*, 0022167818777658.
- Kendra Cherry, (2022). B. F. Skinner's Life, Theories, and Influence on Psychology: Skinner studied operant conditioning and believed in radical behaviorism. <https://www.verywellmind.com/b-f-skinner-biography-1904-1990-2795543> (25 September 2022).
- Marion Joppe, Ye (Sandy) Shen & Giannina Veltri, (2020). Embedding indigenous learning outcomes in a tourism curriculum: The case of Confederation College, Canada. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education*, 26, 100241.
- Meiying Guo, Hongrui Liu, & Meilin Yao. (2021). The Confucian value of benevolence and volunteering among Chinese college students: The mediating role of functional motives. *SAGE Open*, 11(1), 21582440211006683.
- Noordegraaf Meliha Atalay, & Muberra Çelebi. (2015). The challenges of the volunteerism process during international sport organizations/events. *Journal of Human Sciences*, 12(1), 1263-1279.
- Oesterle Sabrina, Monica Kirkpatrick Johnson & Jeylan T. Mortimer, (2004). Volunteerism during the transition to adulthood: A life course perspective. *Social forces*, 82(3), 1123-1149.
- Omar Al Mutawa, (2015). Impact of volunteer management practice on volunteer motivation and satisfaction to enhance volunteer retention. Brunel University London.
- Pfattheicher Stefan, Yngwie Asbjorn Nielsen & Isabel Thielmann, (2022). Prosocial behavior and altruism: A review of concepts and definitions. *Current opinion in psychology*, 44, 124-129.
- Robert V. Krejcie & Daryle W. Mogan, (1970). Determine sample size for research activities.
- Sharma Pramond & Jogendra Kumar Nayak, (2020). RETRACTED: Understanding the determinants and outcomes of internal reference prices in pay-what-you-want (PWYW) pricing in tourism: An analytical approach: Elsevier.
- Song So Young & Youn-Kyung Kim. (2019). Doing good better: Impure altruism in green apparel advertising. *Sustainability*, 11(20), 5762.
- Solihah Yahya Zikri, Khalid Ismail, Abdul Salam Zulkifli, Nadiyah Hashim & Noor Azura Zainuddin. (2022). Penglibatan Belia dalam Aktiviti Kesukarelawan di Malaysia: Sumbangan dan Peranan. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 1, 30-36.
- Tajul Ariffin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin. (2013). Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap Tahap Kepuasan Diri (Motives for Volunteering in Higher Education Institutions Sports towards Self Satisfaction). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 38(2), 51-59.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian empirikal. *Geografia*, 12(10).
- Veronika Bocsi, Hajnalka Fényes, & Vale'ria Markos. (2017). Motives of volunteering and values of work among higher education students. *Citizenship, Social and Economics Education*, 16(2), 117-131.

- Will W.K. Ma, & Albert Chan, (2014). Knowledge sharing and social media: Altruism, perceived online attachment motivation, and perceived online relationship commitment. *Computers in human behavior*, 39, 51-58.
- Zheng Xianliang, Wang Zeyi, Chen Huiping & Yang Ling Qing. (2021). Subjective social class and Internet altruistic behavior among Chinese college students: Mediating role of self-esteem. *Social Behavior and Personality: an international journal*, 49(1), 1-8.